



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**Untuk Siaran Segera**

### **MCMC SAMBUT BAIK SARANAN PM PERKUKUH ASPEK PERUNDANGAN**

**CYBERJAYA, 5 Ogos 2015** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menyambut baik saranan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak agar Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 diperkuuh.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Pengurus MCMC, Dato' Sri Dr. Halim Shafie berkata, MCMC komited untuk memperhebatkan penguatkuasaan terhadap mereka yang melanggar undang-undang.

"Untuk tujuan itu, MCMC telah mewujudkan sebuah pasukan penguatkuasaan berdedikasi bagi menangani kandungan di media sosial yang telah melanggar undang-undang ataupun yang berupaya mencetuskan kebimbangan dan kekacauan awam agar tindakan penguatkuasaan segera dapat diambil," katanya.

Dr. Halim menambah, langkah tersebut adalah perlu menyedari bahawa platform tersebut kini disalah guna oleh segelintir pihak untuk menyebarkan pembohongan dan menyemai kebencian yang memudarati ketenteraman awam.

"Sesetengah peruntukan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia perlu dipinda bagi memperkasakan peranan penguatkuasaan MCMC. Sebagai contoh, penalti untuk kesalahan-kesalahan perlu diteliti semula bagi memastikan AKM dilihat lebih berkesan sebagai satu langkah pencegahan," katanya.

Dr. Halim menjelaskan, pindaan kepada AKM perlu mengambil kira keadaan persekitaran dalam talian yang sudah berubah sepanjang tempoh 17 tahun yang lalu memandangkan Akta berkenaan digubal pada 1998. Sebagai contoh, pada 1998, media sosial masih tidak wujud ketika itu. Untuk menangani aspek tersebut, perlu ada klasifikasi hukuman dalam AKM serta penerangan jelas berhubung tindakan penguatkuasaan yang diperlukan. Satu lagi trend untuk dipertimbangkan ialah para pengguna yang menggunakan maklumat tersebut kini juga adalah pihak yang menerbitkan kandungan.

Dr. Halim turut menegaskan, kajian semula AKM bukan hanya berkisar kepada usaha memperkuuh keupayaan penguatkuasaan MCMC semata-mata. Malahan, banyak lagi bahagian dalam AKM dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Akta MCMC) yang turut dikaji mengambil kira lanskap industri Komunikasi dan Multimedia yang sudah jauh berubah. Beliau turut melahirkan harapan kajian semula ke atas AKM dan Akta MCMC akan mewujudkan



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

suasana persekitaran yang sihat dan kondusif kepada pengguna untuk menggunakan Internet secara positif, selain menghalang pengguna menggunakan Internet untuk mencetuskan kebimbangan dan ketidakstabilan kepada negara.

“MCMC akan meneruskan usaha memperhebat literasi media untuk mewujudkan kesedaran dan mendidik pengguna menggunakan Internet secara positif menerusi program-program literasi media yang sedang berlangsung ketika ini. Menyekat akses kepada kandungan dalam Internet tidak semestinya jalan penyelesaian utama. Orang awam mesti sedar akan kepentingan menggunakan Internet secara bertanggungjawab dan positif. Kita harus mengelak situasi di mana majoriti pengguna yang menggunakan Internet secara bertanggungjawab menerima kesan hanya kerana perbuatan tidak bertanggungjawab segelintir pengguna. Langkah terbaik ialah untuk sentiasa berpegang kepada kebenaran,” kata Dr. Halim.

**For Immediate Release**

### **MCMC WELCOMES CALL BY PM TO STRENGTHEN LEGISLATION**

**CYBERJAYA, 5 August 2015 ---** Strengthening the Communications and Multimedia Act 1998 (CMA) is a welcome call by the Prime Minister, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, said the MCMC.

In a statement released today, MCMC Chairman, Dato' Sri Dr. Halim Shafie said the organization is committed to stepping up enforcement against those who have contravened the law.

“For that purpose, the MCMC has established a dedicated enforcement team to tackle content in the social media which have breached the law or may potentially cause public alarm and unrest so that speedy regulatory action can be taken,” said Dr. Halim.

Dr. Halim added that the move is necessary because the platform has been abused by certain quarters to spread lies and promote hatred which is detrimental to public order.

“Certain provisions of the CMA will need to be amended to enhance MCMC's enforcement role. For example, penalties for offences need to be relooked for the CMA to be more effective as a deterrent,” he said.

Dr. Halim explained that the amendment to the CMA needs to take into account the changing online environment in the past 17 years as the Act was enacted in 1998. Many things have changed now, he said. For example, in 1998, there was no social media. To address this, there should be classification of offences in the CMA as well as clarity in the corresponding regulatory actions needed. Another trend to consider is consumers of information being producers of content now.



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

Dr. Halim also stressed that the review of the CMA is not just about strengthening enforcement capabilities. Many other parts of the CMA as well as the Malaysian Communications and Multimedia Act 1998 (MCMC Act) are being reviewed taking into account the communications and multimedia industry landscape which has changed dramatically since then. He voiced his expectation that the review of the CMA and the MCMC Act will create a healthy and conducive environment for users to use the Internet positively, apart from deterring the public from using the Internet to create alarm and instability to the country.

“The MCMC will continue to push for media literacy to create awareness and educate users to use the Internet positively through our ongoing media literacy programmes. Restricting access to content on the Internet is not always the solution. The public must be aware of the importance of using the Internet positively and responsibly. We have to try to avoid a situation where the majority of the population using the Internet responsibly may be affected because of a few irresponsible users. The best thing to do is to always stick to the truth,” said Dr. Halim.

**END/**

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)